

ACM-3546  
INVC 19/1/01.....

PEMBAHARUAN  
TEUNGKU MUHAMMAD DAWUD BEUREU-ÉH  
SEBAGAI SEORANG ULAMA DAN PEMIMPIN

HASANUDDIN YUSUF ADAN

Perpustakaan Universiti Malaya



A510031422

JABATAN SIASAH SYAR'ITYYAH  
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA

SESI 1999/2000

Dimikrofilkan pada..... 11-02-2002  
No. Mikrofis..... 18006  
Jumlah Mikrofis..... 5

HAMSIAH BT. MOHAMAD ZAHARI  
UNIT REPROGRAFI  
PERPUSTAKAAN UTAMA  
UNIVERSITI MALAYA



**PEMBAHARUAN  
TEUNGKU MUHAMMAD DAWUD BEUREU-ÉH  
SEBAGAI SEORANG ULAMA DAN PEMIMPIN**

**HASANUDDIN YUSUF ADAN**

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN IJAZAH  
SARJANA SYARIAH**

**JABATAN SIAH SYAR'YYAH  
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
SESI 1999/2000**



**MEJAR JENERAL TEUNGKU MUHAMMAD DAWUD BEUREU-ÉH  
GABENOR TENTERA UNTUK WILAYAH ACEH, LANGKAT DAN TANAH KARO  
1947 - 1949**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَلَا تَلْبِسُوا الْحَقَّ بِالْبَطْلِ وَتَكْفُرُوا بِالْحَقِّ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Dan janganlah kamu campur adukkan yang benar itu dengan yang salah, dan kamu sembunyikan yang benar itu pula padahal kamu semua mengetahuinya.

(Al-Baqarah; 42)

Seorang Islam adalah seorang nasionalis.  
Seorang nasionalis belum tentu seorang Islam.  
Perjuangan agama otomatis perjuangan negara.  
Perjuangan negara belum tentu perjuangan agama.

(Teungku Muhammad Dawud Beureu-éh)

---Ababil No. 1 thn. 1 Juli 1999---

Na manusia nyang legëë binatang  
Udép hanya untók minöm makan  
Geubri mata han jibaca Al-Qur'an  
Geubri punyuêng hana jideungö bang  
Geubri haté hana jiingat Tuhan  
Awak nyan leubèh seusat nibak binatang  
(Abu Beureu-éh)

---Serambi Indonesia Senin 27 Juli 1998---

Maknanya:

Ada manusia seperti binatang  
Hidup hanya untuk minum makan  
Diberi mata tidak membaca Al-Qur'an  
Diberi telinga tidak mahu mendengar azan  
Diberi hati tidak mengingat Tuhan  
Mereka itu lebih sesat daripada binatang

---=o0o=---

## TEUNGKU MUHAMMAD DAWUD BEUREU-ÉH

- 23.09.1896/10 Jumadil akhir 1316 H. Lahir di Beureu-éh, Kecamatan Mutiara, Kabupaten Pidie, Aceh.
- 1914 Mula mendidik ummat untuk memerangi penjajah Belanda dan menghancurkan kezaliman di bumi Aceh.
- 1926 - 1942 Membangun Madrasah-madrasah dan mendidik kader Islam di seluruh Aceh secara berencana.
- 05.05.1939 Mendirikan Persatuan Ulama Seluruh Aceh (PUSA).
- 27.12.1939 Mendirikan sekolah Normal Islam di Bireuen dengan menekan Belanda untuk tidak mengganggunya.
- 1942 Memimpin pasukan bersenjata melawan Belanda sebelum pecah perang dunia ke II.
- 1942 – 1950 Menguasai de facto Aceh.
- 1945 Membangun dan memimpin pasukan tempur Mujahidin untuk memerangi kafir Belanda.
- 1946/47 Atas nama Gabenor Tentera telah mendirikan lima kilang senjata api iaitu: (1). Di Peureulak, Aceh Timur. (2). Di Lam Meulo (Kota Bakti), Pidie. (3). Di Lhok Nga, Aceh Besar. (4). Redelong, Takengon, Aceh Tengah. (5). Di Macan Kumbang, Aceh Tenggara.
- 1947 Menerima janji presiden Soekarno kalau Indonesia merdeka akan dijadikan negara Islam. Dengan itu beliau mengerahkan mujahidin Aceh untuk membebaskan Indonesia dari serbuan Belanda.
- 21.07.1947 Menentang agresi pertama Belanda yang ingin menduduki semula wilayah Indonesia.
- 26.08.1947 Menjadi Gabenor Tentera untuk wilayah Aceh, Langkat dan Tanah Karo sehingga tahun 1949. Pada masa ini beliau menjadi seorang pemimpin dan ulama besar.
- 19.12.1948 Menentang agresi Belanda kedua dengan mengerahkan kekuatan mujahidin Aceh secara besar-besaran ke wilayah Sumatera Timur yang terkenal dengan perang Medan Area.
- 13.06.1948 Menyatukan semua asykar rakyat dalam wilayah Gabenor Tentera ke dalam Tentera Nasional Indonesia (TNI).
- 18.08.1948 Membanteras Gerakan Said Ali Al-Sagaf Cs.
- 17.03.1949 Menolak Tawaran Dr. Tengku. Mansur Wali Negara Sumatera Timur ciptaan Belanda untuk memisahkan diri dari Indonesia dengan berbagai alasan yang lojik.

- 30.01.1950 Menjadi Gabenor Aceh yang pertama selama lapan bulan, kemudian tugasnya dipindahkan ke Kementerian Dalam Negeri di Jakarta, beliau tidak mahu bertugas ke sana dan tetap berada di Aceh.
- 11-15.04.1953 Memimpin Kongres Ulama Seluruh Indonesia di Medan. Pada acara ini peran beliau sangat besar dan menjadi harapan umat.
- 25-29.04.1953 Memimpin Kongres PUSA di Langsa Aceh Timur, awal usaha menuju sebuah pemberontakan.
- Mac. 1953 Berdakwah seluruh Aceh bersama para ulama PUSA untuk mematangkan suasana menuju pemberontakan Islam. Salah satu hasil Kongres Langsa.
- 21.09.1953 Mengisytiharkan berdirinya DI/TII di Aceh untuk menentang kezaliman Soekarno khususnya, Indonesia amnya.
- Sept. 1955 Memimpin Konperensi Batëë Kurëng dan menggantikan DI/TII kepada NBA/NII.
- 08.02.1960 Mengisytiharkan Negara Bahagian Aceh/Negara Islam Indonesia (NBA/NII).
- 15.08.1961 Mengisytiharkan Republik Islam Aceh (RIA) yang terpisah dari Indonesia.
- 09.05.1962 Dijemput oleh masyarakat Aceh dari gunung di Rampah, Simpang Ulim, Aceh Timur. Dan hidup kembali bersama masyarakat.
- 01.05.1978 Diculik oleh rejim Orde baru pimpinan Soeharto, dikurung di Jakrta dan matanya sengaja dibutakan.
- 05.09.1982 Diizinkan balik kampung dalam keadaan buta dan lumpuh.
- 10.06.1987 Meninggal dunia dan kembali kehadapan Allah yang maha segala-gala.

---hya---

## DEDIKASI

YA ALLAH S.W.T...

Daripada-Mu aku berasal dan kepada-Mu pula aku akan berakhir  
Sudah menjadi kewajiban bagiku untuk menyembah-Mu setiap detik  
Beribadah dan berdo'a hanya kepada-Mu semata-mata  
Tiada lain yang wajib kuagungkan selain diri-Mu Yang Maha Segala-gala

RASULULLAH S.A.W...

Perjuangan-Mu telah membuat ummat ini bahagia  
Dengan perjuangan itu membuatnya terbuka mata  
Kerana perjuangan-Mu lah hamba ini menjadi mulya  
Do'a dan salawat hanya kepada-Mu selalu kubaca

UMMI & ABU...

Terimakasih yang tiada batasnya  
Atas segala sesuatu yang aku dapat daripadamu  
Menjadi kewajiban bagiku untuk mengabdikan kepadamu  
Setelah menghambakan diri kepada sang Khalik Allah Tuhanku  
Do'amu menjadi modal bagi perjuanganku  
Semoga keberhasilan itu akan tetap bersamaku

ABANG & KAKAKKU...

Keikhlasan dan keupayaanmu akan kukenang selalu  
Do'a dan niat baikmu akan selalu menyertaiku  
Semoga semua harapanmu akan terwujud pada diriku  
Akan menjadi seorang yang 'arif, 'alim dan berilmu

ISTERIKU...

Dengan layanan ikhlas daripadamu membuat daku bahagia  
Dengan itu pula membuat diriku berjaya dalam setiap usaha  
Semoga engkau sentiasa istiqamah dengan tugas-tugas seorang wanita  
Tugas yang diamanahkan Allah untuk mengayomi sebuah rumah tangga

ANAK-ANAKKU...

Kehadiranmu adalah rahmat dari Yang Maha Kuasa  
Rahmat itulah yang akan menentukan diriku senang atau sengsara  
Kuharap engkau akan faham semua harapan ayah bonda  
Harapan untuk tunduk dan patuh hanya kepada Allah semata-mata

### GURU-GURUKU...

Bimbingan dan didikanmu menjadi dasar pengetahuan bagiku  
Pengetahuan itu dapat meneraju kehidupan yang belum menentu  
Kehidupan yang penuh cabaran, hambatan dan kekerasan itu  
Insya Allah akan dapat kulalu dengan berkat bimbingan daripadamu

### RAKAN-RAKANKU...

Semangat dan doronganmu membuat daku berjaya  
Keberjayaan ini bukanlah untuk diriku semata-mata  
Kita harus berbuat dan bekerja untuk sebuah bangsa  
Bangsa yang telah lama diperas dicaci dan dianiaya

### TEUNGKU MUHAMMAD DAWUD BEUREU-ÉH...

Riwayat perjuanganmu telah tercatat dalam sejarah  
Perjuangan membela dan menjunjung tinggi Agama Allah  
Yang tidak mengenal lelah dan pantang menyerah  
Yang telah patah akan kusambung semula, Insya Allah

### MUSLIM & MUSLIMAH...

Semua upaya dalam kehidupan di alam ini adalah ibadah  
Dengan melaksanakan perintah dan meninggalkan larangan Allah  
Tidak akan damai dan aman planet bumi yang raya ini  
Sebelum terwujudnya hukum Allah secara penuh dan kaffah

--hya--

## PENGHARGAAN

Syukur alhamdulillah kita panjatkan kehadiran Allah Rab al-'Alameen sebagai Tuhan bagi semua makhluk yang ada di bumi dan langit, daripada-Nyalah semua itu berasal dan kepada-Nya pula semua itu akan kembali. Selawat dan salam atas Junjungan 'Alam Nabi Besar Muhammad Bin 'Abdillah SAW yang telah memperjuangkan Hak Asasi Manusia (HAM) dari gangguan kaum jahiliyyah biadab puluhan abad yang lampau. Beliau pula telah mengajar umat manusia untuk mengenal berbagai ilmu pengetahuan, membezakan antara hak dengan batil dan menyuruh kita untuk melakukan *amar ma'ruf nahi munkar* dalam setiap langkah kehidupan ini.

Sebagai rasa penghormatan dan rasa terimakasih yang tidak ternilai harganya, karya ini kupersembahkan kepada Ayah Bonda yang telah melahirkan dan memelihara serta membimbing penulis sehingga menjadi seorang manusia yang dapat membezakan antara yang hak dengan yang batil dan dapat mempertahankan yang hak itu hingga ke akhir hayat. Serta berusaha menghancurkan yang batil itu dengan berbagai cara walau bahaya besar mencabar di depan mata.

Penulis merakamkan jutaan terimakasih kepada Ustaz Shukeri Bin Mohammad atas semua bimbingan dan tunjuk ajar yang terus menerus beliau berikan selama penulisan karya ini, dengan arahan dan bimbingan beliau

disertasi ini dapat diselesaikan dengan sempurna. Semoga Allah akan memberinya balasan setimpal di hari kemudian.

Kepada pihak Fakulti Syariah Akademi Islam Universiti Malaya serta semua kakitangannya penulis mengucapkan terimakasih yang tidak terhingga atas kebaikannya menerima, membantu dan melayan penulis untuk menyelesaikan pendidikan peringkat sarjana ini. Tanpa adanya berbagai bantuan dari pihak-pihak tertentu di Universiti terasa sulit bagi penulis untuk merangkum dan menyelesaikan karya ini.

Kepada rakan-rakan yang telah banyak mendorong dan membantu serta memberikan semangat kepada penulis seperti Marwan Nusuf, Muhammad Abdurrahman, Khatib Abdullatif, Fathurrahman Muhammad Amin, Husin Abdullah, Husni Muhammad Harun, Nazaruddin Abdulwahed. Juga kepada orang tua dan rakan-rakan yang telah berpartisipasi kepada penulis seperti: Abu Muhammad Yus, Cutbang Chalidin Yacobs, Mustafa Alayaini, M. Yakob Djuli, Hj. Syahman, M. Nur Djuli, Habib Adam, Sayuti Saidan (Apati), dan lainnya yang tidak mungkin kita sebutkan semuanya di sini penulis mengucapkan jutaan terimakasih. Kepada Allahlah penulis kembalikan semua itu hanya Beliaulah yang sanggup dan mampu membalasnya di hari kemudian.

Terimakasih juga penulis hantarkan kepada semua rakan-rakan dan pihak-pihak terkait lainnya yang telah banyak memberikan perhatian samada secara langsung ataupun tidak langsung atas penyelesaian disertasi ini. Dengan perhatian itu semua dapat membangkitkan semangat penulis untuk mempercepat

selesainya tulisan ini. Dan kepada para responden (narasumber) penulis sampaikan penghormatan serta ucapan syukur atas semua informasi yang telah diberikannya.

Teristimewa ucapan terimakasih kepada isteri tercinta Siti Zahara Binti Abdul Djalil dan anak-anak tersayang: Siti Masturina (Cupo), Ahsan Nadiyya (Cuda), Siti Millatina (Cukak) dan Muhammad Alamghir al-Adany (Nyak 'Alam) yang dengan bantuan dan gurauan mereka membuat penulis kehilangan rasa dahaga, dengan cumbuan mereka membuat penulis tambah bergairah dan bertenaga, dan dengan berbagai ulah serta tingkah laku mereka menjadikan penulis semakin riang dan gembira. Wallahu a'lam bissawab. Hanya kepada Allah lah kita mesti bertanggung jawab.

Wangsa Maju, Ahad 17 Jumadil Awwal 1420 H.  
29 O g o s 1999 M.

Yang Ikhlas,

**Hasanuddin Yusuf Adan**

No. 4 Jln. Rajawali, Irg. Kasturi  
Kompleks Lembah Hijau, Cot Masjid  
Lueng Bata, Banda Aceh. Aceh-Sumatera.  
Phone: +62+651 28484  
e-mail: diadanna@yahoo.com

---=hya=---

## ABSTRAK

Disertasi ini merupakan satu kajian terhadap pembaharuan seorang tokoh yang sangat terkenal di Aceh dalam tahun 1930 hingga 1980 iaitu Teungku Muhammad Dawud Beureu-éh. Ia bertujuan untuk membongkar segala misi, visi dan pembaharuan beliau dalam berbagai bidang kehidupan seperti bidang: politik, pentadbiran, pendidikan, pengkaderan, dakwah, ekonomi, dan sosial kemasyarakatan.

Huraian tentang kehidupan Teungku Muhammad Dawud Beureu-éh ini akan meliputi perkara-perkara yang berkenaan dengan riwayat hidup beliau. Perkara ini akan menguraikan latar belakang keluarganya, pendidikannya, keulamaannya, kepemimpinannya, politik, dan latar belakang masyarakat beserta pengaruhnya. Semua perkara ini penulis tempatkan pada bab pertama sebagai pembuka dari semua bab-bab yang sedia ada.

Berkenaan dengan sejarah perjuangan beliau yang melingkupi perjuangan seorang ulama dan pemimpin menempati bab kedua. Dalam bab ini penulis akan menguraikan: faktor-faktor yang menyebabkan keulamaannya, usaha dan kerja seorang ulama, pimpinan Persatuan Ulama Seluruh Aceh, Gabenor Tentera untuk wilayah Aceh, Langkat dan Tanah Karo, dan Gabenor pertama untuk wilayah Aceh. Di sini akan didapati semua jenis tindakan yang boleh dianggap sebagai sumbangan beliau untuk negara, Islam dan juga kepada ummat yang pernah dilakukan selama hidupnya, sebahagian daripadanya merupakan persoalan-

persoalan yang sangat payah dilakukan orang lain namun mudah dan telah berjaya dibuatnya.

Analisa pembaharuan beliau penulis tempatkan pada bab ketiga yang membidangi perkara-perkara seperti berikut: pembinaan umat manusia dalam berbagai aspek dengan mendirikan PUSA, mendirikan Dayah dan Madrasah serta mengadakan pengajian-pengajian yang berterusan. Pembinaan infra struktur masyarakat yang pernah dilakukannya akan meninjau kerjanya membangun Masjid-masjid, Dayah-dayah dan juga sekolah-sekolah, membaiki jalan, serta mewujudkan pelbagai irigasi dan saluran air. Sisi lain adalah analisa tentang kejayaan dan kegagalan pembaharuan beliau dalam bidang dakwah, pendidikan, ekonomi, politik dan keberjayaan dalam bidang bermasyarakat. Yang terakhir adalah pandangan masyarakat dan kerajaan terhadap beliau.

Sementara bahagian akhir dalam tulisan ini adalah penutup yang penulis rangkum dalam bab empat dengan huraian singkat yang berkenaan dengan kesimpulan dan saranan. Selain itu ada sejumlah lampiran yang punya kaitan langsung dengan penulisan ini turut penulis tempatkan untuk memperkuat semua data yang ada di akhir tulisan ini. Daripada kajian ini terbukti bahawa Tengku Muhammad Dawud Beureu-éh merupakan seorang tokoh mujaddid yang luar biasa dan berjaya dalam agenda membangunkan masyarakat, walaupun perjuangan membebaskan Aceh terputus di tengah jalan.

--=hya=--

## DAFTAR KANDUNGAN

MOTTO.....	i
TEUNGKU MUHAMMAD DAWUD BEUREU-ÉH.....	ii
DEDIKASI.....	iv
PENGHARGAAN.....	vi
ABSTRAK.....	ix
DAFTAR KANDUNGAN.....	xi
SENARAI PETA.....	xiv
SENARAI KEPENDEKAN.....	xv
SENARAI ISTILAH.....	xviii
BAB PENDAHULUAN.....	xxv
<b>BAB I</b>	
<b>RIWAYAT HIDUP</b>	
<b>TEUNGKU MUHAMMAD DAWUD BEUREU-ÉH</b>	
---hya---	
1.1. Latar Belakang Keluarga.....	2
1.2. Latar Belakang Pendidikan.....	8
1.3. Latar Belakang Seorang Ulama.....	13
1.4. Latar Belakang Seorang Pemimpin.....	17
1.5. Latar Belakang Politik.....	21
1.6. Latar Belakang Masyarakat Dan Pengaruh Teungku Muhammadawud Beureu-éh.....	29
Nota Rujukan.....	40
---hya---	
<b>BAB II</b>	
<b>SEJARAH PERJUANGAN</b>	
<b>TEUNGKU MUHAMMAD DAWUD BEUREU-ÉH</b>	
---hya---	
2.1. Sebagai Seorang Ulama.....	44
2.1.1. Faktor-faktor yang menyebabkan keulamaannya.....	44
2.1.2. Usaha dan Kerja Teungku Muhammad Dawud Beureu-éh Sebagai Seorang Ulama.....	51
a). Penjernihan Akidah dan Tauhid.....	52
b). Penyatuan ummat.....	56
c). Pembaharuan dan Pemurnian.....	60
d). Memerangi Kafir.....	65
e). Menegakkan Negara Islam.....	69
2.2. Sebagai seorang Pemimpin.....	72
2.2.1. Pimpinan Persatuan Ulama Seluruh Aceh (PUSA).....	72

a). Berjihad Menentang penjajah Belanda.....	73
b). Menghalau Penjajah Jepun.....	79
c). Posisi dan Dilema seorang Pemimpin dalam perang Cumbok.....	85
2.2.2. Gabenor Tentera untuk wilayah Aceh, Langkat dan Tanah Karo.....	98
a). Latarbelakang Gabenor Tentera.....	99
b). Fungsi utama dan Cabaran-cabaran.....	101
c). Membanteras Gerakan Said Ali Cs dan BKR.....	104
d). Menolak tawaran pemisahan Aceh dari Indonesia.....	111
e). Ingin mewujudkan Negara Islam Indonesia.....	115
f). Tertipu oleh tangisan Soekarno.....	118
2.2.3. Gabenor Pertama untuk wilayah Aceh.....	125
a). Latar Belakang Sejarah.....	126
b). Diskriminasi Pemerintah Pusat dan Pencabutan Propinsi Aceh.....	128
c). Memimpin Gerakan DI/III.....	139
d). Pimpinan Republik Islam Aceh (RIA).....	161
2.2.4. Kembali Bersama Masyarakat.....	166
2.2.5. Diculik dan Dibawa ke Jakarta.....	172
Nota Rujukan.....	177
---=hya---	
<b>BAB III</b>	
<b>ANALISA PEMBAHARUAN</b>	
<b>TEUNGKU MUHAMMAD DAWUD BEUREU-ÉH</b>	
---=hya---	
3.1. Pembinaan Ummat Manusia dalam berbagai aspek.....	186
3.1.1. Pembinaan Kader Islam yang Matang.....	187
3.1.2. Mendirikan Persatuan Ulama Seluruh Aceh (PUSA).....	192
3.1.3. Mendirikan Dayah-dayah dan Madrasah-Madrasah.....	207
a). Dayah di Usi Meunasah Dayah.....	208
b). Madrasah Jam'iyah Diniyyah di Garot.....	210
c). Madrasah Jam'iyah Diniyyah di Pidie.....	211
d). Madrasah Sa'adah Abdiyah di Blang Paséh.....	212
e). Madrasah Normal Islam di Bireuen.....	213
f). Madrasah Al-Muslim di Matang Geulumpang Dua.....	217
3.1.4. Mengadakan Pengajian-pengajian dan Berdakwah Sepanjang Hayat.....	218
3.2. Pembinaan Infra Struktur Masyarakat.....	221
a). Membangun Masjid-masjid.....	221

b). Mendirikan Dayah-dayah dan Sekolah-sekolah.....	224
c). Membaiki Jalan-jalan.....	226
d). Mewujudkan Pelbagai Irigasi dan Saluran Air.....	229
<b>3.3. Kejayaan dan Kegagalan Pembaharuan</b>	
Teungku Muhammad Dawud Beureu-éh.....	233
a). Kejayaan Dalam Bidang Dakwah.....	233
b). Keberhasilan Dalam Bidang Pendidikan.....	236
c). Keberuntungan Dalam Bidang Ekonomi.....	237
d). Kemantapan Dalam Berpolitik.....	239
e). Keberjayaan Dalam Bermasyarakat.....	241
<b>3.4. Pandangan Masyarakat dan Kerajaan Terhadap</b>	
Teungku Muhammad Dawud Beureu-éh.....	242
Nota Rujukan.....	254
---=hya=---	
<b>BAB IV</b>	
<b>PENUTUP</b>	
---=hya=---	
<b>A. Kesimpulan.....</b>	<b>258</b>
<b>B. Saranan .....</b>	<b>261</b>
<b>Bibliografi.....</b>	<b>264</b>
<b>Halaman Bergambar.....</b>	<b>273</b>
<b>Senara i Lampiran .....</b>	<b>286</b>
---=hya=---	

## SENARAI PETA

---	haya	---
Peta Aceh (zaman dahulu).....		96
---	haya	---
Peta Aceh (masa sekarang).....		97
---	haya	---

## SENARAI KEPENDEKAN

AJK	= Ahli Jawatan Kuasa
ARB	= Asisten Residen Belanda
BKR	= Badan Keinsafan Rakyat
BPK	= Badan Penjaga Keamanan
DI	= Darul Islam
DKI	= Daerah Khusus Ibukota
DPRD	= Dewan Perwakilan Rakyat Daerah
DPW	= Dewan Pimpinan Wilayah
FPIHAM	= Forum Peduli Hak Asasi Manusia
GAM	= Gerakan Aceh Merdeka
Ibid	= Ibiidem (Pada tempat yang sama)
KB	= Kembang Mutiara/Keluarga Berencana
KI	= Kasysyafat al-Islam
KMB	= Konferensi Meja Bundar
KNPI	= Komite Nasional Pemuda Indonesia
KODAM	= Komando Daerah Militer
KODIM	= Komando Dinas Militer
LAKA	= Lembaga Adat dan Kebudayaan Aceh
Loc.Cit	= Loco citato (Di tempat yang sama)
MADNI	= Madrasah Nadat al-Islam
MAN	= Madrasah Aliah Negeri
MASYUMI	= Majelis Syura Muslimin Indonesia
MIAI	= Majelis Islam A'la Indonesia
MIS (N)	= Madrasah Ibtidaiyah Swasta (Negeri)

MUI	= Majelis Ulama Indonesia
NBA	= Negara Bahagian Aceh
NII	= Negara Islam Indonesia
NRIA	= Negara Republik Islam Aceh
Op.Cit	= Opere citato (Dalam karya yang dirujuk sebelumnya)
PAN	= Partai Amanah Nasional
PB PII	= Pengurus Besar Pelajar Islam Indonesia
PDIA	= Pusat Dokumentasi dan Informasi Aceh
PII	= Pelajar Islam Indonesia
PON	= Pekan Olah Raga Nasional
PPP	= Partai Persatuan Pembangunan
PRRI	= Pemerintah Revolusioner Republik Indonesia
PUJ	= Partai Ummat Islam
PUSA	= Persatuan Ulama Seluruh Aceh
PW	= Pengurus Wilayah
RI	= Republik Indonesia
RIA	= Republik Islam Aceh
RPI	= Republik Persatuan Indonesia
SAW	= Sallallahu 'Alaihi Wasallam
SD (N)	= Sekolah Dasar (Negeri)
SI	= Syarikat Islam
SMA	= Sekolah Menengah Atas
SMI	= Sekolah Menengah Islam
SMU	= Sekolah Menengah Umum
SWT	= Subhanahu Wata'ala

Tgk	= Teungku
TII	= Tentera Islam Indonesia
Tk	= Tengku
TMDB	= Teungku Muhammad Dawud Beureu-éh
TNI	= Tentera Nasional Indonesia
TTI	= Tentera Territorium I
UIAM	= Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
VOC	= Verre Oost Compagnie (Nama syarikat dagang Belanda)

---=hya=---

## SENARAI ISTILAH

'Arif	= Bijaksana dan berkemampuan
A'la	= Nama tempat Abu Beureu-éh bermastautin di gunung ketika berontak memerangi Indonesia
Abolitic/Abolisi	= Pembebasan dari Tuntutan
Abu	= Panggilan kepada orang yang dihormati di Aceh
Agresi	= Serbuan
Akidah Islamiyah	= Ikatan atau keyakinan Muslim terhadap Rukun Iman dengan pelaksanaannya secara penuh.
Alleber Tador	= Nama pujaan oleh Pemerintah RI kepada Teungku Beureu-éh
Ambisi	= Keinginan yang melebihi batas
Ampon Syik	= Nama kepada seseorang Uleebalang yang dituakan
Ampon	= Nama lain kepada keturunan Uleebalang
Asisten Residen	= Nama lain kepada pimpinan Belanda di Aceh
Batalyon	= Nama sesuatu kelompok dalam tentera (lebih besar dari resimen)
Berjong	= Batu yang dipasang dalam kawat untuk membendung air
Bidaah	= Perbuatan diluar Sunnah Rasulullah
Cap Sikureueng	= Cap sembilan (Nama cap Raja Aceh)
Causa Prima	= Penyebab utama
Daerah Modal	= Gelar yang diberikan Soekarno (Presiden)

	= pertama RI kepada wilayah Aceh
Dai Nippon	= Nama kepala tentera Jepun
Daulah Islamiyah	= Negara Islam.
Dayah	= Pondok atau Pesantren
Digniti	= Harga diri
Divisi	= Kelompok atau bahagian
Ekspedisi	= Kecepatan atau serangan
Federasi	= Bahagian
Fikh al-Ibadah	= Ilmu Hukum tentang persoalan Ibadah
Fikh al-Jinayah	= Ilmu Hukum tentang persoalan Kriminal (Kejahatan)
Fikh al-Mu'amalah	= Ilmu Hukum tentang persoalan Ekonomi
Fikh al-Siyasah	= Ilmu Hukum tentang persoalan Politik
Fuji warakikan	= Nama kesatuan tentera Jepun
Gelanggan	= Nama tempat untuk sesuatu pertunjukan
Genetik	= jalur keturunan
Gyu Gun	= Nama kumpulan tentera Jepun
Hadih Maja	= Pepatah Aceh yang memiliki makna tertentu
Hidayah	= Petunjuk (biasanya mendapatkan hidayah dengan tidak disedari)
Human Relation	= Ilmu persaudaraan/pergaulan/hubungan dengan sesama manusia
Imperialis	= Penjajahan
Imum	= Gelar kepada Kepala Mukim dan Imam Salat
Inisiatif	= Kebijaksanaan

Instructie/Instruksi	= Perintah atasan kepada bawahan
Irigasi	= Bendungan air
Jihad fisabilillah	= Perang di jalan Allah
Kaum Feodal	= Sebutan atau nama lain kepada Ulecebalang
Kemanakan	= Anak saudara
Keuchik/Keusyik	= Nama kepala kampung di Aceh
Keumalon	= Meramal sesuatu kemudian menentukan kepastiannya
Keurupuk Mulieng	= Emping Malinjau (produksinya banyak di Aceh)
Khanduri Babah Jurong	= Kenduri di ujung (mulut) lorong, biasanya diadakan setahun sekali dengan harapan akan mendapat barakah
Khanduri Blang	= Kenduri di sawah ketika mahu bercucuk tanam atau menanam padi setahun sekali
Khanduri Jeurat	= Kenduri pada kuburan dengan meniatkan pahala kepada orang yang ada dalam kuburan tersebut
Khanduri La-ôt	= Kenduri di laut ketika mahu turun ke laut mencari ikan, biasanya setahun sekali
Kharismatik	= Semulajadi
Khazanah	= Peninggalan sejarah
Khurafat	= Perbuatan yang berbau syirik
Komplot Banteng Hitam	Tuduhan Said Ali al-Sagaf kepada pemerintah Aceh
Konfederasi	= Persekongkolan, Persekutuan
Konsolidasi	= Pendidikan dalaman, pemantapan kedalam

Kontroler/ Kontrolir	= Nama kepada salah satu peringkat pimpinan Belanda di Aceh
Kufur	= Kafir
Kwartir	= Cabang
Loyal	= Setia
Mardatillah	= Nama Lain kepada A'la (Lihat kata A'la)
Militer	= Tentera
Misi	= Tugas atau tanggung jawab
Momentum	= Kesempatan atau masa yang tepat
Mujahidin	= Pejuang di jalan Allah
Mukim/Kemukiman	= Satu distrik yang terdiri dari beberapa kampung
Obrak-abrik	= Mengganggu dan merosak
Pamong Praja	= Kakitangan kerajaan
Panglima Sagi	= Kepala kepada sebuah distrik
Perang Cumbok	= Perang antara Uleebalang yang pro Belanda dengan rakyat dan para ulama yang pro kemerdekaan yang terjadi di Cumbok.
Perang Medan Area	= Perang dengan Belanda yang dipertahankan bangsa Aceh di Medan Sumatera Timur dalam agresi pertama 1947 dan kedua 1948. Bangsa Aceh dapat mengalahkan Belanda sehingga Indonesia merdeka.
Pesawat Dakota	= Nama Pesawat yang dibeli bangsa Aceh untuk Indonesia
Peusijek	= Menepung tawari, biasanya ketika memiliki

	sesuatu benda baru seperti kereta, rumah, kedai selalu dipesusijuek (ada unsur Hinduism)
Pionir/Pelopop	= Penaja atau penggerak utama
Pon	= Ukuran timbangan (satu pon = 500 gram)
Propinsi	= Nama kepada distrik peringkat tertinggi di Indonesia setelah negara
Prostitusi	= Perzinaan
Provokatif	= Tindakan yang memecahbelahkan ummat
Pusara	= Kuburan
Raja Meukuta	= Sebuah gelar kepada Sultan Iskandar Muda
Ranub Lampuan	= Sirih dalam puan (tempat biasanya diletak sirih namanya Puan). Sirih ini merupakan suatu kemuliaan bagi bangsa Aceh dalam rangka menyambut tetamu atau bertamu
Razia Ogos 1951	= Sebuah operasi tentera yang diperintahkan Perdana Menteri Sukiman dari Masyumi di seluruh Indonesia untuk mencari senjata simpanan kaum Komunis. Di Aceh perintah ini diselewengkan Mejar Nazir untuk mengganyang para Ulama PUSA.
Representatif	= Bersifat mewakili
Reputasi	= Nama baik
Residen	= Gelar kepada pimpinan distrik Aceh semasa penjajahan dan awal kemerdekaan.

Resimen	= Nama suatu kelompok dalam tentera
Revolusi	= Perubahan atau peralihan kuasa dalam sesuatu negara dengan cara kekerasan
Sanksi	= Hukuman
Sarakata	= Dokumen
Seunulop/Irigasi	= Bendungan Air
Side effect	= Pengaruh sampingan
Sipil	= Rakyat biasa
Sisa-sisa Feodal	= Gelaran lain kepada kaum Uleebalang
Siyasah	= Politik
Spontan	= Secara tiba-tiba
Sulok Buta	= Suatu ajaran yang beribadah cukup dengan wirid sahaja tanpa salat dan lainnya
Sulok Huk	= Nama lain kepada Sulok Buta (lihat sulok buta)
Syirik	= Mempersekutukan Allah
Tarik tambang	= Tarik menarik kekuasaan (sebuah isyarat)
Tenno Heika	= Nama sembahang orang Jepun
Territorial Gezak	= Nama wilayah kuasa Uleebalang
Teuku	= Gelar kepada kaum Uleebalang
Teungku	= Gelar kepada Ulama atau nama panggilan kepada orang Aceh
Tokoh Kharismatik	= Ketokohan semulajadi (bukan ditokoh-tokohkan)
Toleransi	= Tolak ansur (Bertimbang Rasa)
Tour	= Berjalan keliling sesuatu tempat dengan sesuatu maksud

Traktat London	= Perjanjian London
Transaksi	= Serah terima dan tukar menukar sesuatu benda
Tuwanku	= Salah satu nama gelaran bagi keturunan Raja Aceh
Ulama	= orang yang 'alim
Uleebalang	= Suatu kaum yang ketika Kerajaan Aceh masih kuat diangkat oleh Raja untuk mengurus tanah sawah untuk kepentingan perang. Ketika raja lemah akibat serangan musuh yang tidak henti-henti, mereka memihak kepada musuh (Belanda) dengan menobatkan dirinya sebagai raja-raja kecil di wilayahnya masing-masing.
Ultimatum	= Ancaman atau pemberian kata akhir
Umara	= Para pemimpin
Umong Bu Prang	= Sawah untuk biaya perang
Umong Keurajeuen	= Sawah kerajaan
Visi	= Wawasan atau pandangan kehadapan
Wahabi	= Gelar yang dituduh oleh golongan tertentu kepada kaum pembaharu
Zender	= Nama tempat siaran radio

---=hya=---

## BAB PENDAHULUAN

### PENGENALAN

Penulisan disertasi ini merupakan satu kajian ilmiah yang disertai dengan tatacara penulisan yang lazim digunakan oleh para penulis samada untuk peringkat sarjana mahupun doktor falsafah. Untuk tulisan ini penulis sudah gambarkan tentang keperibadian Teungku Muhammad Dawud Beureu-éh dari sisi seorang Ulama dan Pemimpin yang mendapat sambutan baik daripada ummat Islam di Aceh secara khusus dan di Indonesia secara umum.

Berbicara persoalan politik dan sejarah Aceh, nama Teungku Muhammad Dawud Beureu-éh tidak boleh dipisahkan daripadanya. Ini kerana peranan dan kerja beliau untuk menciptakan sebuah kondisi baru di Aceh khasnya dan Indonesia umumnya telah berjaya dengan sempurnanya di masa-masa dahulu. Tidak terlepas daripada usaha keras beliau dan rakan-rakannya memerangi kaum penjajah maka negara yang disebut Republik Indonesia hari ini wujud dalam peta dunia. Dengan usaha beliau pula maka mereka yang duduk di tampuk kerajaan hari ini boleh bersenang-senang di sana.

Kenyataan ini tidak terlepas dari beberapa hal istimewa yang dimilikinya dan terasa jarang dimiliki ulama atau pemimpin lain bukan hanya dahulu tetapi juga pada hari ini. Selain kemampuan otaknya yang sungguh sangat luarbiasa, keberanian dalam bertindak pun susah dicari tandingannya. Perkara-perkara seperti inilah antara lain yang membuat penulis tertarik untuk mengkaji sejarah perjuangan pembaharuan beliau selama hidupnya.

Mengingat terhadapnya kajian terhadap perjuangan beliau maka perlu diperbanyak penulisan-penulisan khas yang berkenaan dengan sejarah hidupnya. Ini perlu mengingat beliau adalah seorang pejuang dan punya pengaruh besar bagi umat dari dahulu hingga ke hari ini. Selain itu kepemimpinan beliau pun betul-betul mencirikan dan dekat kepada kepemimpinan Rasul Allah SAW yang sangat mementingkan persoalan-persoalan umat dan masyarakat daripada kepentingan pribadi dan keluarga. Keulamaannya yang penuh berpegang kepada Firman Allah dan Sunnah Rasul-Nya susah ditandingi oleh ulama-ulama tradisional yang sampai hari ini masih sangat terikat dengan doktrin gurunya.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Penulisan yang sederhana ini sebagaimana lazimnya menggunakan metod penelitian *Library Research* dan *Field Research* iaitu penelitian perpustakaan dan temubual. Penggunaan penelitian pertama ialah dengan mengumpulkan setiap data yang berhubungan dengan penulisan samada bahan dari buku-buku, majalah, akhbar, dokumentasi mahupun bahan tulisan lainnya. Sementara penelitian jenis kedua penulis lakukan dengan menjumpai sejumlah responden yang mengenal keperibadian Teungku Muhammad Dawud Beureu-éh samada dari pihak keluarganya, rakan-rakan seperjuangan dengannya, bekas muridnya dan para ilmun yang faham akan perkara tersebut untuk mendapatkan sejumlah informasi. Selain itu sistem analisa, observasi dan pembagian *questionnaire* juga ikut memeriahkan penulisan disertasi ini.

Mengingat kurangnya rujukan yang berbentuk buku atau bahan-bahan yang bertulis lainnya, maka selain merujuk kepada sejumlah bahan yang sedia ada yang dapat penulis kumpulkan, penulis juga telah mengadakan temubual dengan orang-orang yang dianggap representatif dan punya kaitan langsung dengan penulisan ini. Diharapkan tulisan ini akan dapat membantu untuk menambahkan bahan rujukan bagi sesuatu perpustakaan khasnya dan para penulis lain umumnya.

Untuk lebih terperinci mengenai metodologi penyelidikan ini maka penulis huraikan secara lebih terperinci dengan menggunakan dua metod yang lazim dipakai para penulis karya ilmiah iaitu: (a). Metod Pengumpulan Data, dan (b). Metod Analisa Data.

#### **(a). Metod Pengumpulan Data**

Metod Pengumpulan Data merupakan sebuah usaha pengumpulan data sebanyak-banyaknya kemudian ditafsirkannya untuk keperluan rumusan penulisan disertasi ini. Pengumpulan data-data tersebut penulis lakukan di beberapa tempat seperti perpustakaan yang ada di Kuala Lumpur dan Aceh, Pusat Dokumentasi dan Informasi Aceh (PDIA), dan rumah-rumah orang dahulu yang banyak menyimpan data-data tersebut. Untuk pelaksanaan metod ini penulis telah menggunakan cara-cara berikut:

##### **1- Metod Historis**

Metod ini yang juga disebut metod persejarahan merupakan suatu proses untuk menentukan adanya pendapat-pendapat yang tepat mengenai kejadian-

kejadian. Pemakaian metod ini bertujuan untuk mendapatkan data-data yang bernilai sejarah. Metod ini banyak digunakan dalam bab satu dan dua, iaitu sejarah hidup dan perjuangan Teungku Muhammad Dawud Beureu-éh.

## 2- Metod Dokumentasi

Metod dokumentasi merupakan satu cara pengumpulan data dengan jalan melakukan kajian terhadap dokumen-dokumen yang ada hubungannya dengan masalah yang diteliti. Dokumen-dokumen yang dikaji melibatkan bab dua dan tiga iaitu sejarah perjuangan dan pembaharuan Teungku Muhammad Dawud Beureu-éh.

## 3-Metod Temubual

Metod temubual adalah satu cara pengumpulan data, maklumat dan fakta kajian melalui jalan temubual. Berkenaan dengan cara ini penulis telah melakukan teubal dengan beberapa orang tokoh dan pakar sejarah yang faham akan persoalan yang dikaji bagi mengukuhkan perbincangan di dalam bab pertama, kedua dan ketiga.

### **(b). Metod Analisa Data**

Setelah terkumpulnya semua data yang diperlukan penulis kemudian menggunakan cara-cara yang berhubungan dengan metod induktif, deduktif dan komparatif dalam penulisan karya ilmiah ini.

#### 1). Metod Induktif.

Metod ini adalah merupakan satu cara penganalisan data secara berfikir untuk mencari bukti dan keterangan serta perkara-perkara yang bersifat khusus sehingga kepada dalil-dalil yang bersifat umum. Analisa ini digunakan semasa menilai kegiatan dan sumbangan beliau dalam bidang perkaderan, pendidikan, ketenteraan, kepimpinan, keagamaan secara terperinci bagi menonjolkan keunggulan dan ketokohan beliau dalam bidang agama dan politik Metod ini digunakan dalam bab tiga.

## 2). Metod Deduktif.

Metod Deduktif adalah cara menganalisa data serta melakukan penulisan berdasarkan pola berfikir bagi mencari pembuktian dengan menggunakan dalil-dalil yang bersifat umum terhadap hal-hal yang khusus. Ketokohan beliau dalam dua bidang secara bersepadu telah dianalisa secara mendalam melalui berbagai-bagai bukti dan dalil yang khusus. Metod ini digunakan dalam bab tiga.

## 3). Metod Komparatif.

Metod Komparatif merupakan satu cara membuat kesimpulan dengan melakukan sebuah perbandingan terhadap sejumlah data yang didapati selama berlangsungnya penelitian, ia juga boleh untuk membandingkan beberapa pendapat para pakar yang dikemukakan dalam penulisan. Metod ini telah digunakan dalam bab satu, dua dan tiga.

## **OBJEKTIF DAN KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini perlu dilakukan mengingat beberapa objektif utama yang perlu dicapai, antaranya: untuk mengenal pasti latar belakang kehidupan Teungku

Muhammad Dawud Beureu-éh, sejarah perjuangan jihadnya, sejarah perjuangan pembaharuannya, sejarah perjuangan dakwahnya, sejarah perjuangan pendidikannya dan sejumlah aktiviti lain yang pernah beliau lakukan selama hidupnya. Yang tidak kurang pentingnya adalah sejauh mana pengaruh semua perjuangan beliau terhadap masyarakat samada di masa hidupnya mahupun setelah beliau tiada. Selain itu cara aplikasi kejayaan dan memperbaiki kelemahan beliauapun merupakan objektif daripada kajian ini.

Ia juga dilakukan untuk mengkaji semula sejauh manakah kesungguhan dan keikhlasan perjuangan beliau dalam membina dan mendidik ummat ini. Terakhir objektif dan kepentingan kajian ini adalah untuk keperluan mendapatkan ijazah master pada Fakulti Syariah Universiti Malaya sesi 1999/2000.

## **MASALAH SEMASA KAJIAN**

Walaubagaimanapun, mengerjakan perbuatan untuk sebuah kajian ilmiah seperti ini tidaklah mudah yang kita gambarkan boleh kita lakukan. Hambatan keterbatasan masa, kesulitan hubungan komunikasi, keterbatasan bahan bacaan dan sejumlah hambatan lainnya tetap mengintai penulis dalam menyelesaikan karya mulia ini. Oleh yang demikian semua kekurangan yang terdapat dalam tulisan ini bukanlah sesuatu yang diprogramkan oleh penulis melainkan sesuatu yang menjadi keterbatasan kemampuan penulis sendiri dalam menyempurnakannya. Untuk itu kepada semua pembaca sangat dialu-alukan untuk turut serta memberikan saran-saran dan perbaikan-perbaikan seperlunya.

Muhammad Dawud Beureu-eh, sejarah perjuangan jihadnya, sejarah perjuangan pembaharuannya, sejarah perjuangan dakwahnya, sejarah perjuangan pendidikannya dan sejumlah aktiviti lain yang pernah beliau lakukan selama hidupnya. Yang tidak kurang pentingnya adalah sejauh mana pengaruh semua perjuangan beliau terhadap masyarakat samada di masa hidupnya mahupun setelah beliau tiada. Selain itu cara aplikasi kejayaan dan memperbaiki kelemahan beliaupun merupakan objektif daripada kajian ini.

Ia juga dilakukan untuk mengkaji semula sejauh manakah kesungguhan dan keikhlasan perjuangan beliau dalam membina dan mendidik ummat ini. Terakhir objektif dan kepentingan kajian ini adalah untuk keperluan mendapatkan ijazah master pada Fakulti Syariah Universiti Malaya sesi 1999/2000.

## **MASALAH SEMASA KAJIAN**

Walaubagaimanapun, mengerjakan perbuatan untuk sebuah kajian ilmiah seperti ini tidaklah mudah yang kita gambarkan boleh kita lakukan. Hambatan keterbatasan masa, kesulitan hubungan komunikasi, keterbatasan bahan bacaan dan sejumlah hambatan lainnya tetap mengintai penulis dalam menyelesaikan karya mulia ini. Oleh yang demikian semua kekurangan yang terdapat dalam tulisan ini bukanlah sesuatu yang diprogramkan oleh penulis melainkan sesuatu yang menjadi keterbatasan kemampuan penulis sendiri dalam menyempurnakannya. Untuk itu kepada semua pembaca sangat dialu-alukan untuk turut serta memberikan saran-saran dan perbaik-perbaikan seperlunya.

## KAJIAN LEPAS

Mengingat kepribadian Teungku Muhammad Dawud Beureu-éh yang tidak suka dengan perbuatan-perbuatan yang mengandung nilai-nilai ria, maka selama hidup beliau tidak pernah menyuruh orang untuk menulis tentang sejarah hidupnya, bahkan beliau melarangnya apabila seseorang meminta izin untuk penulisan tersebut. Itulah salah satu faktor yang menyebabkan sedikitnya penulisan-penulisan tentang sejarah perjuangannya, samada yang berhubungan dengan misi dan visi politik, keagamaan dan lainnya.

Setakat ini hanya ada beberapa buku yang berkaitan langsung dengan kehidupan beliau seperti yang ditulis oleh bekas setia usaha PUSA Tgk. M. Nur El Ibrahimy dengan tajuk TEUNGKU MUHAMMAD DAWUD BEUREU-ÉH. Buku yang diterbitkan oleh penerbit Gunung Agung Jakrta pada tahun 1986 ini memang benar-benar mengkisahkan tentang peri kehidupan beliau lengkap dengan sejarah hidup dan juga sejarah perjuangannya. Namun dari segi analisa keberhasilan, kelebihan dan kekurangan sejarah tersebut tidaklah sama dengan kajian ini.

Selain itu S.S. Djuangga Batu Bara juga menulis sebuah buku yang didasarkan kepada pengalamannya sendiri selama bergerila dengan beliau dalam hutan belantara ketika berjuang untuk mendirikan negara Islam Indonesia (DI/TII). Buku yang diberi judul TEUNGKU TJHIK MUHAMMAD DAWUD BEUREU-ÉH MUJAHID TERAGUNG DI NUSANTARA ini ditulis dalam tahun 1987 dengan penerbitnya Gerakan Perjuangan dan Pembebasan Republik Islam Sumatera di Medan. Buku ini lebih banyak mengkisahkan tentang

kelebihan-kelebihan beliau dari sisi komitmennya terhadap Islam samada selama dalam perjuangan mahupun dalam kehidupan sehari-hari. Penulis buku ini adalah bekas pengikut setia kepada beliau.

Selanjutnya satu buku yang ditulis oleh Arys Medan dalam tahun 1955 dengan tajuk APA SEBAB DAOED BEUREU- ÉH BERONTAK ? mengisahkan tentang perkara-perkara negatif terhadap beliau. Buku yang diterbitkan oleh Gerakan Keamanan Rakyat Muslim Daerah Aceh ini tergolong sangat tipis dan tidak memiliki catitan kaki. Akibat daripada itu menimbulkan kesan kepada para pembaca bahawa buku ini mengandungi nilai-nilai provokasi untuk memburuk-burukkan beliau.

Selain itu, banyak buku-buku yang menceritakan tentang sejarah hidup dan perjuangan beliau dengan tajuk-tajuknya yang sangat bervariasi Namun begitu penyelidikan ini berbeza dengan buku-buku tersebut. Kajian-kajian lepas berbeza dengan penyelidikan yang dilakukan penulis kerana penyelidikan ini telah menggabungkan dua personaliti agung beliau secara bersepadu dan mantap melalui tumpuan-tumpuan kajian yang telah dibuat. Di antara buku-buku tersebut adalah:

1. ACEH DAERAH MODAL LONG MARCH KE MEDAN AREA karangan Tgk. A.K. Jakobi yang diterbitkan oleh Yayasan Seulawah RI 001 tahun 1992 di Jakarta.
2. Abdullah Ali et al, SEJARAH PERJUANGAN RAKYAT ACEH DALAM PERANG KEMERDEKAAN 1946-1949 terbitan Dinas Pendidikan Propinsi Daerah Istimewa Aceh di Banda Aceh tahun 1985.

3. Abdullah Arif (1950). BINGKISAN KENANG-KENANGAN KONGRES PUSA DAN PEMUDA PUSA terbitan Panitia Raya Kongres Besar PUSA di Kutaradja.
4. Amran Zamzami (1990), JIHAD AKBAR DI MEDAN AREA, Jakarta: Bulan Bintang.
5. Hasan Saleh, (19920), MENGAPA ACEH BERGOLAK, Jakarta: Grafiti.
6. Nazaruddin Syamsuddin (1990), PEMBERONTAKAN KAUM REPUBLIK, Jakarta: Grafiti.
7. Anthony Reid, (1969), THE CONTEST FOR NORTH SUMATERA, Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
8. ENCYCLOPAEDIA BRITANICA (1768), Chicago: William Benton Publisher.
9. James T. Siegel (1969), THE ROPE OF GOD, California: University of California Press.
10. Nazaruddin Syamsuddin (1985), THE REPUBLICAN REVOLT: a study of Acehese rebellion, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, dan lain-lain.

## **KESIMPULAN**

Penulisan disertasi yang sangat sederhana ini penulis kerjakan dalam waktu yang bersamaan dengan tugas-tugas lainnya yang tidak boleh penulis tinggalkan. Untuk itu penulis yakin bahawa di sana sini tentu terdapat kelemahan dan kekurangan dari tuntutan persyaratan di Universiti Malaya sebagai tempat penulis menuntut, walaupun bimbingan dan semakan sudahpun dilakukan

beberapa kali dalam upaya penyempurnaan dan pematapannya, barangkali di sanalah terletaklah kelemahan seseorang hamba Allah yang dhaif di bumi ini.

Walaubagaimanapun, penulis telahpun berusaha keras kearah kesempurnaan dan kelengkapan penulisan ini dengan melakukan penelitian ke berbagai tempat yang punya sumber dan terdapat bahan-bahan bacaan serta dokumentasi yang berkaitan langsung dengan penulisan ini. Alhamdulillah usaha tersebut akhirnya mendapat kejayaan daripada Allah s.w.t. dengan selesainya tugas akhir ini sehingga penulis dapat menyelesaikan pendidikan peringkat master di Universiti Malaya.

-- hya --